

NO SOALAN :43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. DATO' MANSOR BIN OTHMAN
(NIBONG TEBAL)****PERTANYAAN : BERTULIS**

Y.B. DATO' MANSOR BIN OTHMAN [NIBONG TEBAL] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) boleh mempertimbangkan untuk membenarkan para ahlinya mempunyai akaun Simpanan Konvensional dan akaun Simpanan Syariah pada masa yang sama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertimbangan agar ahli mempunyai kedua-dua akaun Simpanan Konvensional dan Simpanan Syariah pada masa yang sama adalah tidak perlu kerana ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang mahukan simpanannya dilaburkan secara konvensional dan patuh syariah boleh memilih untuk kekal di dalam Simpanan Konvensional memandangkan simpanan tersebut mempunyai pendedahan ke atas kedua-dua jenis pelaburan. Akaun Simpanan Syariah diwujudkan untuk ahli yang memilih untuk simpanannya diuruskan dan dilaburkan sepenuhnya mengikut syariah sahaja.